



### Latarbelakang

Pada 28 Februari 1993, Jawatankuasa kabinet Anti Dadah telah mengistiharkan "DADAH MUSUH UTAMA NEGARA". Dalam hal ini Kementerian Pelajaran Malaysia telah diberi tanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program pendidikan pencegahan dadah (PPDa) di sekolah. Sasaran utama program ialah kepada murid, guru, kakitangan sekolah dan ibu bapa.

Program Pendidikan Pencegahan Dadah di sekolah dilaksanakan secara sepadu melalui empat strategi utama, iaitu Pengurusan dan Kepimpinan, Kurikulum, Kokurikulum dan Pembentukan Sahsiah.